

Polis siasat jika Perak jadi transit seludup bahan terlarang

Ratusan ribu pil kuda dirampas

Kosmo
14/4/17
m15 17

POH - Polis Perak sedang menyasat sama ada negeri ini dijadikan laluan masuk atau transit bagi pil kuda untuk diedar ke tempat lain berikutan penemuan dadah jenis tersebut yang begitu banyak di Perak.

Pemangku Ketua Polis Perak, Datuk Hasnan Hassan berkata, pada tahun 2015, sebanyak 3,246 biji pil dirampas sebelum ia berkurangan kepada 2,591 pil tahun lalu.

Pada tahun ini, sebanyak 180,000 biji berjaya dirampas.

"Kenapa begitu banyak pil kuda ditemui di Perak? Adakah permintaan untuk pil kuda bagi penagih sekitar Perak meningkat atau penagih telah beru-

bah kepada dadah jenis lain?" soalnya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak di sini semalam.

Katanya, polis percaya pil kuda berkenaan diimport dari negara jiran dan ia belum sempat diedarkan kepada penagih.

Mengulas mengenai rampasan sebanyak 180,000 biji pil kuda atau bersamaan 20.3 kilogram (kg) itu dibuat dalam satu serbuan di sebuah rumah di kawasan Felda di Sungkai kira-kira pukul 2 pagi Selasa lalu. Ujar beliau, rampasan dadah jenis pil kuda bernilai RM3.6 juta oleh sepasukan pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Muallim itu

adalah yang terbesar di Perak sejak lima tahun lalu.

"Ketika serbuan dijalankan di rumah itu, kedua-dua suspek yang masing-masing berusia 35 dan 36 tahun cuba melarikan diri sebelum ditahan. Polis turut menemui dadah jenis syabu atau methamphetamine seberat 8.7 gram," katanya.

Hasnan menjelaskan, kedua-dua suspek bukan peneroka Felda sebaliknya bekerja sebagai penyelia dan peniaga.

Kedua-dua juga disahkan positif dadah jenis amphetamine berdasarkan ujian air kencing. Mereka direman selama tujuh hari mulai 11 April lalu.



HASANAN (tengah) menunjukkan sebahagian pil kuda yang dirampas di sebuah rumah di Sungkai pada sidang akhbar di IPK Perak semalam.